



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
<https://penang.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM PG.300-8/7 Jld.3 (10)

Tarikh : 7 Oktober 2022

SEMUA KETUA JABATAN / PUSAT TANGGUNGJAWAB YANG BERKENAAN

YBhg. Dato'/ Datuk/ Datin/Tuan/ Puan,

**LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET ALIH, ASET BIOLOGI DAN ASET TAK KETARA,
DAN LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET TAK ALIH SERTA PENGESAHAN BAKI
ASET BUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 30 SEPTEMBER 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2022 (SPANM) berkaitan Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan adalah berkaitan..

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, Berdasarkan ketetapan SPANM Bilangan 3 Tahun 2022, penyelenggaraan laporan perakaunan aset bukan kewangan hendaklah disediakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ), JANM Negeri/Cawangan dan Bahagian Akaun (BA). Penyelenggaraan **Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan bagi Suku Ketiga Tahun Kewangan 2022 seperti pada 30 September 2022** ini perlu disediakan bagi memastikan maklumat aset di PTJ adalah **tepat dan wujud secara fizikal** supaya Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan memberi gambaran benar dan saksama. **Tanggungjawab dan akauntabiliti** bagi memastikan ketepatan kedudukan aset adalah di **peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) pemilik aset berkenaan**.

3. Sehubungan dengan itu, semua PTJ diminta untuk menyediakan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan bagi Suku Ketiga Tahun Kewangan 2022 menggunakan format TVA yang dilampirkan dan menghantar semua laporan (*softcopy*) tersebut kepada JANM Pulau Pinang secara emel (upa_png@gov.my) selewatnya pada **25 Oktober 2022 (Selasa)**. Bagi mana mana PTJ yang tidak menghantar atau tiada maklumbalas selepas 25 Oktober 2022, satu surat peringatan akan dikeluarkan dan disalinkan kepada pihak Bahagian Akaun Kementerian. Berikut merupakan Laporan yang perlu dihantar kepada JANM Pulau Pinang:

- i. Tva-TVA_NAMA SINGKATAN KEMENTERIAN_KOD PTJ-32022
- ii. Laporan Aset Alih (AA)
B3-A-A-(PTJ)_AA_NAMA SINGKATAN KEMENTERIAN_KOD PTJ_32022
- iii. Laporan Aset Tak Alih (ATA)
B3-B-A-(PTJ)_ATA_NAMA SINGKATAN KEMENTERIAN_KOD PTJ_32022


4. Sebarang permasalahan atau pertanyaan pihak PTJ boleh berhubung dengan Unit Pengurusan Aset JANM Pulau Pinang di talian 04-2555 455/517/524/580/531/550/553/527/551. Kerjasama dan keprihatinan daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berkenaan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



(MAZIAH BINTI MUSA c.a. (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang